

24/10/1998

Reaksi berbeza pengecualian cukai

PENGGIAT seni dan budaya memberi reaksi berbeza mengenai cadangan pengecualian cukai ke atas pendapatan bukan pemastautin yang membuat pertunjukan kebudayaan dan kesenian di negara ini.

Bagaimanapun, mereka berpendapat secara keseluruhan, pengecualian itu baik kerana dari sudut membangunkan kegiatan seni dan kebudayaan tempatan. Ia secara tidak langsung menggalakkan penggiat seni dan budaya luar negara membuat persembahan di negara ini. Dari sudut ekonomi, mereka berpendapat ia turut membantu pertukaran masuk wang asing ke negara ini sekali gus menambah pendapatan.

Penggiat teater, Faridah Merican mengalu-alukan langkah kerajaan mengecualikan duti hiburan ke atas tiket masuk bagi menyaksikan persembahan kebudayaan kesenian, pameran serta pesta.

Menurutnya, menerusi pengecualian itu, penganjur teater tidak perlu lagi membayar 19 peratus cukai ke atas tiket kepada pihak berkuasa tempatan.

"Apa yang membebankan penganjur teater atau konsert ketika ini ialah bayaran duti hiburan pendahuluan sedangkan tiket belum dijual," katanya.

Bagaimanapun, Faridah berkata pihak berkuasa juga patut faham dengan pengumuman itu kerana langkah pengecualian duti hiburan sudah dibuat kira-kira tiga tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad ketika membentangkan Belanjawan 1999 semalam, mengumumkan cadangan kerajaan memberi pengecualian cukai pendapatan kepada pemastautin yang mengadakan persembahan kesenian dan kebudayaan di Panggung Negara dan Dewan Filharmonik Petronas.

Penganjur yang mengadakan persembahan kebudayaan dan kesenian di kedua-dua tempat itu juga akan diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50 peratus manakala tiket persembahan kebudayaan dan kesenian pula akan diberi pengecualian duti hiburan.

Sementara itu, Pengurus Pemasaran Kampung Budaya Sarawak, Zaini Zainuddin, berkata pengecualian itu juga adalah sebagai satu pilihan kerajaan untuk memulihkan kedudukan ekonomi negara.

"Bagaimanapun, cara pelaksanaannya masih kabur. Adakah kerajaan mampu memberi jaminan penggiat seni luar negara boleh membuat persembahan di negara ini," katanya. Zaini juga menegaskan langkah pengecualian duti hiburan bagi setiap tiket untuk menyaksikan persembahan kebudayaan dan kesenian memang perlu dan ia sepatutnya dibuat sejak dulu lagi.

"Misalnya, di KBS wang daripada duti itu boleh menampung kos penyelenggaraan rumah kebudayaan," katanya.

Penggiat teater, Datuk Noordin Hassan, berkata aktivis seni dan budaya sememangnya mengalu-alukannya kerana ia akan menggalakkan mereka bekerja keras mengadakan persembahan.

"Bagaimanapun, Pengurusan Panggung Negara dan Dewan Filharmonik Petronas hendaknya tidak mengenakan kadar sewa terlalu mahal kerana ia mengehendak produksi seni daripada menggunakan kedua-dua infrastruktur berkenaan," katanya.

Aktivis teater, Normah Nordin berkata pengecualian itu menggalakkan kemasukan penggiat seni dan budaya dari luar yang secara tidak langsung membataskan peluang aktivis seni tempatan.

"Saya khuatir mereka (penggiat seni dan budaya tempatan) akan tewas di negara sendiri. Sekarang, penaja sukar diperolehi."

"Jika ada sekalipun, mereka tidak mahu menaja persembahan kebudayaan dan

kesenian tempatan. Ini berbeza dengan kumpulan kesenian atau orkestra luar negara apabila syarikat tempatan atau luar negara berebut menaja persembahan mereka," katanya.

Pengarah dan aktivis teater, Zakaria Ariffin, berkata apa juga pengecualian cukai pendapatan yang diberikan kepada kegiatan kebudayaan dan kesenian di negara ini sememangnya disambut baik.

"Meskipun begitu orang seni amat berharap sekiranya kerajaan memperluaskan potongan dan pengecualian cukai pendapatan kepada persembahan yang diadakan selain daripada dua tempat terbabit," katanya.

Sementara itu, Pengarah Unit Kebudayaan, Universiti Malaya (UM), Prof Dr Rahmah Bujang, berkata cadangan berkenaan baik tetapi pengurusan kedua-dua infrastruktur berkenaan perlu memastikan aspek mutu tidak diabaikan.

"Aspek mutu persembahan tidak boleh dikorbankan meskipun dalam usaha pengurusan Panggung Negara dan Dewan Filharmonik Petronas memastikan pentas mereka digunakan sepenuhnya sepanjang tahun," katanya.

Badan penapis persembahan, katanya, boleh dibentuk bagi memastikan pementasan yang bakal berlangsung memenuhi piawaian yang ditetapkan selaras dengan kedudukan Panggung Negara dan Dewan Filharmonik Petronas.

Prof Dr Rahmah berkata, pengecualian dan potongan cukai pendapatan bagi persembahan kebudayaan dan kesenian sewajarnya turut dipanjangkan untuk pementasan yang berlangsung selain daripada dua tempat berkenaan.

(END)